



# SIARAN MEDIA

## MAJLIS PERSIDANGAN ANALITIS DATA RAYA (BDA) PERUMAHAN: *SINGLE SOURCE OF TRUTH PUSAT DATA PERUMAHAN*

---

**SEPANG, 7 NOVEMBER 2023** – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan Majlis Persidangan Analitis Data Raya (BDA) Perumahan bertempat di Hotel Sama-Sama KLIA, Sepang, Selangor. Antara objektif penganjuran persidangan ini adalah memberikan sudut pendedahan awal pelaksanaan Analitis Data Raya (BDA) Perumahan kepada agensi-agensi yang terlibat.

KPKT telah menjalankan Kajian Analitis Data Raya atau Big Data Analytics (BDA) Perumahan yang bertujuan mengkaji cadangan pembangunan sistem BDA Perumahan. Kajian ini mendapati bahawa data perumahan di Malaysia tidak dipusatkan pada satu repositori sebaliknya berada di pelbagai agensi dan jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Kajian ini telah mengenal pasti hala tuju pembangunan sistem BDA merangkumi 11 *Business Case* dan 44 *Use Case* yang boleh dikategorikan kepada perancangan, pemprofilan (*profiling*), dan penguatkuasaan.

Menurut YB Timbalan Menteri, analitis data raya melalui Sistem BDA Perumahan secara bijak membolehkan perancangan dan pembuatan keputusan lebih tepat, bersasar, cepat, berkesan dan proaktif ke arah meningkatkan pengurusan data sektor perumahan di Malaysia.

KPKT juga akan bekerjasama dengan pihak-pihak berkaitan untuk merangka pelan atau modul pembangunan kompetensi sumber manusia untuk mewujudkan *Subject Matter Expert* (SME) terhadap *Business Case* serta kepakaran teknikal ICT seiring dengan perkembangan teknologi.

Pada Majlis Persidangan ini juga diadakan pembentangan dan pameran poster penyelidikan oleh agensi Kerajaan, pemain industri, pihak penyelidik dan akademia berkaitan pangkalan data bersepadu bagi memperkayakan ilmu pengetahuan dan kompetensi pegawai terutamanya dalam bidang perumahan.

KPKT berharap pembangunan Sistem BDA Perumahan ini mencapai matlamat yang disasarkan sebagai *Single Source of Truth* pusat data perumahan yang boleh diakses untuk perancangan, pembangunan, pemilikan, penyewaan dan penyelenggaraan pasaran perumahan Malaysia seterusnya menyokong pelaksanaan Dasar Perumahan Negara 2.0 dalam mencapai matlamat yang disasarkan dalam Kerangka Malaysia MADANI untuk menyediakan perumahan yang berkualiti, mampu milik, dan lestari kepada rakyat Malaysia.

*#MalaysiaMADANI*

*#StrongerTogether*

*#DemiPertawi*

*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

